

12/03/2000

Cubaan calon Ku Li gagal lagi (HL)

mood; Mohamed Sahidi Yusoff

KUALA LUMPUR: Percubaan Umno bahagian Kuala Krai dan Padang Terap mencalonkan Tengku Razaleigh Hamzah bertanding jawatan Presiden dan Timbalan Presiden gagal apabila perwakilan sebulat suara menolak pencalonan nama beliau.

Di bahagian Kuala Krai, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dipilih bertanding jawatan Presiden manakala Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi untuk jawatan Timbalan Presiden selepas pengundian dijalankan dengan masing-masing mendapat majoriti 64 undi.

Di bahagian Padang Terap pula, pencalonan Tengku Razaleigh langsung tidak mendapat sokongan apabila namanya dicalonkan.

Setakat ini hanya Umno bahagian Tanah Merah yang mencalonkan Tengku Razaleigh untuk jawatan Presiden dan Timbalan Presiden.

Dalam mesyuarat bahagian Umno Sungei Benut 5 Mac lalu, dua cawangan mencalonkan Tengku Razaleigh tetapi gagal apabila Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan itu hanya mendapat empat undi untuk jawatan Presiden dan tujuh undi bagi Timbalan Presiden.

Dua lagi bahagian iaitu Jeli dan Peringat yang bermesyuarat semalam sebulat suara mencalonkan Dr Mahathir dan Abdullah untuk kedua-dua jawatan berkenaan.

Keputusan yang dibuat oleh bahagian terbabit adalah sejajar dengan nasihat Majlis Tertinggi (MT) pada 3 Januari lalu yang sebulat suara mengesyorkan supaya jawatan Presiden dan Timbalan Presiden tidak dipertandingkan.

MT dalam mesyuarat itu juga bersetuju mengekalkan Dr Mahathir sebagai Presiden dan Abdullah bagi mengisi jawatan Timbalan Presiden pada pemilihan 11 Mei ini.

Dengan pencalonan dari empat bahagian itu, Dr Mahathir dan Abdullah masing-masing memperolehi 21 pencalonan, selepas 22 daripada 165 bahagian yang mengadakan Mesyuarat Agung.

Di KOTA BHARU, cadangan mencalonkan Dr Mahathir dan Abdullah dalam mesyuarat perwakilan Umno bahagian Kuala Krai, dibuat oleh Timbalan Ketua Umno bahagian itu, Salleh Che Haron.

Ketika mengemukakan pencalonan, Salleh yang juga bekas Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Temangan, berkata cadangan itu dibuat berdasarkan keputusan dan nasihat MT supaya kedua-dua jawatan berkenaan tidak dipertandingkan.

Pencalonan di bahagian Jeli pula dicadangkan oleh Ketua Umno bahagian, Datuk Mustapa Mohamed dan disokong Naibnya, Mohd Adnan Kechik.

Di bahagian Umno Peringkat, pencalonan dibuat oleh Timbalan Ketua, Datuk Zainal Abidin Abdul Kadir dan disokong Naib Ketua, Ismail Latiff.

Di KUALA NERANG, percubaan perwakilan Umno bahagian Padang Terap mengikuti langkah bahagian Tanah Merah, mencalonkan Tengku Razaleigh sebagai Timbalan Presiden gagal apabila cadangan yang dikemukakan tidak mendapat sokongan.

Dalam persidangan perwakilan semalam, wakil cawangan Kuala Pai Selatan, Abdul Wahab Hashim mencalonkan Tengku Razaleigh selepas Ketua Penerangan bahagian, Fisal Abdul Aziz mewakili jawatankuasa bahagian mencalonkan Dr Mahathir dan Abdullah sebagai Presiden dan Timbalannya.

Bagaimanapun, selepas Pengerusi Tetap persidangan, Abdul Malek Hassan meminta sokongan terhadap cadangan Abdul Wahab, tiada seorangpun daripada 318 perwakilan memberikan sokongan.

Sementara itu, bagi jawatan Naib Presiden, empat bahagian berkenaan mencalonkan Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Tun Razak, untuk mempertahankan jawatan bagi penggal ketiga.

Menteri Besar Johor, Datuk Abdul Ghani Othman pula mendapat pencalonan dari bahagian Jeli; Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Abu Hassan Omar (Kuala Krai) dan Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar (Kuala Krai dan Peringat).

Naib Presiden Umno, Tan Sri Muhammad Taib pula mendapat pencalonan Padang Terap dan Peringat, manakala Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tan Sri Muhyiddin Yassin (Padang Terap).

Tengku Razaleigh pula dicalonkan bertanding Naib Presiden oleh bahagian Kuala Krai, iaitu yang kedua selepas Umno bahagian Grik mencalonkan beliau, Sabtu lalu.

Sehingga semalam, Najib menerima 20 pencalonan, Abdul Ghani (14), Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Osu Sukam (7), Abu Hassan (6); Syed Hamid (5), Menteri Besar Negeri Sembilan, Tan Sri Mohd Isa Samad (4); Muhammad Taib (3) Tengku Razaleigh (2) dan Muhyiddin (1).

(END)